

PM, TPM adakan perbincangan terperinci

SA - 28/1/2020

m/s: 2

Kuala Lumpur: Dua pemimpin tertinggi negara mengadakan perbincangan secara terperinci mengenai penularan coronavirus atau 2019-nCoV, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkunjung ke kediaman Perdana Menteri, Tun Dr Ma-

hathir Mohamad pada sebelah pagi bagi memaklumkan perkembangan penularan terkini virus itu.

“Pagi ini, saya telah berkunjung ke rumah Perdana Menteri bagi memaklumkan serta berbincang dengan terperinci berkenaan isu coronavirus.

“Saya optimis kerajaan mampu menangani masalah ini dengan se-

gala langkah tegas,” katanya menerusi akaun Twitter rasminya.

Kelmarin, Dr Wan Azizah mempengerusikan Mesyuarat Penyelesaian Kluster Novel Coronavirus (2019 nCoV) yang dihadiri beberapa menteri dan ketua agensi seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM).

Virus 2019-nCoV mula tersebar di Wuhan, China antara hujung bulan lalu hingga awal bulan ini, apabila beberapa individu dikesan memiliki simptom seperti pneumonia, sebelum Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan ia berpunca daripada coronavirus baharu.